

MEI - OGOS 2021

02

BINA

KEMENTERIAN KERJA RAYA



ISSN 2600-8610




9 772600 861008



LINDUNGI
DIRI,
LINDUNGI
SEMUA

Terbitan: Unit Komunikasi Korporat Kementerian Kerja Raya



kk_r_malaysia



Kementerian Kerja Raya



@MOWorks



Kementerian Kerja Raya Malaysia Official

www.kkr.gov.my

Sambutan Hari Kebangsaan 2021

PUTRAJAYA, 31 OGOS 2021 - Menteri Kanan Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof hadir ke Dataran Pahlawan, Putrajaya pagi ini bagi menyaksikan sambutan Hari Kebangsaan 2021 yang bertemakan Malaysia Prihatin dan mengikuti SOP Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan (KKM).



Berita Selanjutnya



<https://www.kkr.gov.my/ms/node/45029>

Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang KKR 2021

KUALA LUMPUR, 9 OGOS 2021 - Bagi menyemarakkan semangat patriotisme dikalangan Warga Kerja Raya, pelbagai program seperti Pelancaran Kibar Jalur Gemilang, pertandingan dan lain-lain telah diatur demi memastikan penghayatan erti kemerdekaan terus kukuh dan menebal.



Saksikan lebih lanjut di link



<https://youtu.be/wJSIncQb9fA>

Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia KKR 2021

KUALA LUMPUR, 17 SEPTEMBER 2021 - Pada 31 Ogos 2021, Malaysia menyambut ulangtahun ke 64 kemerdekaan dan pada 16 September 2021 merupakan ulangtahun ke 58 pembentukan Negara Malaysia. KKR meraikannya dengan majlis secara maya yang turut mengumumkan pemenang pertandingan Kuiz, Pantun Tik Tok Merdeka.



Saksikan di link



<https://youtu.be/Z-N-FSkucuE>

Istiadat Mengangkat Sumpah Menteri Kanan Kerja Raya dan Timbalan Menteri

KUALA LUMPUR, 30 OGOS 2021 - Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan Dan Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan Dan Setia Serta Sumpah Simpan Rahsia Menteri Kanan Kerja Raya dan Timbalan Menteri Kerja Raya telah berlangsung di Istana Negara dan telah mendapat perkenan KDYMM SPB Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.



Berita Selanjutnya



<https://www.kkr.gov.my/ms/node/45028>

40,000 Personel Binaan Kuala Lumpur Terima Dos Vaksin Dibawah Program CIVac

KUALA LUMPUR, 1 JULAI 2021 - Selaras dengan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Kementerian Kerja Raya (KKR) telah melaksanakan proses imunisasi pekerja sektor pembinaan dengan memperkenalkan Construction Industry Vaccination Programme (CIVac) menerusi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Hj. Fadillah bin Haji Yusof dan YB Khairy Jamaluddin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi merangkap Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 hadir untuk meninjau proses Program CIVac yang berlangsung di Pusat Konvensyen CIDB Malaysia, Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur.



Berita Selanjutnya



<https://www.kkr.gov.my/ms/node/45141>

Menteri Kanan Kerja Raya Meninjau Persiapan Pusat Pemberian Vaksin Sektor Pembinaan

KUALA LUMPUR, 29 JUN 2021 - Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Seri Haji Fadillah Haji Yusof mengadakan lawatan meninjau persiapan di Pusat Konvensyen CIDB Malaysia di Jalan Chan Sow Lin yang dijadikan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bagi sektor pembinaan. Bagi mempercepatkan kadar vaksinasi barisan hadapan ekonomi, Kementerian Kerja Raya, melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hari ini, menawarkan vaksinasi COVID-19 atau Construction Industry Vaccination Program (CIVac) untuk 40,000 pekerja di dalam sektor pembinaan.



Berita Selanjutnya



<https://www.kkr.gov.my/ms/node/45142>

Operasi Penguatkuasaan Bersepadu Tapak Pembinaan Tinjau Pematuhan SOP

KUALA LUMPUR, 23 JULAI 2021 - Hari ini telah berlangsung operasi penguatkuasaan bersepadu CIDB Wilayah Persekutuan KL dan Jabatan Tenaga Kerja KL yang diketuai Menteri Kanan Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof. Operasi di sekitar Jalan Bukit Bintang dan Jalan Yap Kwan Seng, Kuala Lumpur ini adalah operasi rutin bagi pemeriksaan pematuhan SOP tapak pembinaan bagi mengekang penularan COVID-19.



Berita Selanjutnya



<https://www.kkr.gov.my/ms/node/45143>

LPB Sarawak Siap 69.6 Peratus, Menteri Tinjau Jajaran Bintulu - Miri

MIRI, SARAWAK, 14 OGOS 2021 - Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof memantau prestasi pembinaan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak jajaran Bintulu - Miri untuk mengenalpasti pendekatan terbaik bagi menangani isu-isu bagi memastikan projek ini dapat disiapkan seawal mungkin.



Berita Selanjutnya



<https://www.kkr.gov.my/ms/node/44657>

Pembukaan Laluan Persekutuan Temiang – Pantai, Negeri Sembilan

SEREMBAN, 26 OGOS 2021 - Jalan Persekutuan FT366 Jalan Temiang–Pantai mula dibuka kepada pengguna jalan raya pada 26 Ogos 2021 jam 11.00 pagi. Projek sepanjang 7.44 kilometer ini menyambungkan laluan masuk utama Koridor Seremban Utara dan dijangka dapat meningkatkan nilai hartanah dan meningkatkan potensi pembangunan di kawasan sekitar. Ia juga dapat memendekkan jarak perjalanan dari Laluan FT86 ke Lebuhraya LEKAS sebanyak 4.50 kilometer.



Berita Selanjutnya



<https://www.kkr.gov.my/ms/node/45027>



BILIK GERAKAN BENCANA (BIGBEN)

TAHUKAH ANDA??

Bilik Gerakan Bencana (BiGBen) mula ditubuhkan pada tahun 2008 yang berperanan sebagai *One Stop Centre* bagi pengurusan kejadian bencana seperti banjir, cerun runtuh, jalan runtuh, jalan mendap dan jambatan rosak/runtuh yang melibatkan jalan dibawah seliaan JKR Malaysia seperti jalan persekutuan dan jalan negeri.

BiGBen juga menyediakan maklumat berkaitan penutupan jalan akibat bencana dan laluan alternatif kepada pihak atasan JKR, agensi kerajaan (NADMA) serta orang awam melalui Portal e-bencana, platform media massa seperti WhatsApp, Facebook JKR Malaysia dan Twitter JKR Malaysia.



Orang awam boleh mendapatkan maklumat mengenai status jalan yang terlibat dengan kejadian bencana serta jalan alternatif bagi jalan yang ditutup akibat bencana dengan menghubungi Bilik Gerakan Bencana JKR di talian 03-2610 7727 atau dengan melayari laman web bencana JKR iaitu <http://bencanaalam.jkr.gov.my>.

JALAN PINTAS RAWANG (RAWANG BYPASS)

TAHUKAH ANDA??

1 Dengan ketinggian 58.2 meter dari aras tanah, Jalan Pintas Rawang ini merupakan struktur tiang tertinggi di Malaysia.

2 Jalan Pintas Rawang memendekkan perjalanan dari Bandar Rawang ke Kuala Lumpur daripada 2 Jam kepada 30 minit!

3 Dikelilingi spesies flora terancam Giam Kanching yang menghasilkan pemandangan indah sepanjang perjalanan anda.



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN SEKTOR PEMBINAAN

Dikemaskini pada 25 Mei 2021

KAWALAN PERGERAKAN PEKERJA BINAAN

Bagi mencegah penularan wabak COVID-19 dari tapak bina ke komuniti setempat, kontraktor perlu:



DI TAPAK BINA

- Menyediakan dan mempamerkan dokumen berkaitan di tapak bina / premis untuk disemak oleh pihak yang diheri kuasa
- Menyesuaikan bilangan pekerja yang membolehkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter

KEBAJIKAN PEKERJA

- Semua pekerja (tempatan dan asing) di tapak bina wajib menjalani Ujian Tengesenan COVID-19 sebelum memulakan kerja
- Amalan 3 W (Wash, Wear, Warn) iaitu kerap mencuci tangan dengan sabun, memakai pelitup muka, dan mendapatkan rawatan ketika bergejala perlu dilaksanakan



PERGERAKAN PEKERJA

- Kenderaan pekerja hendaklah menjalankan proses pembersihan dan nyahkuman setiap kali selepas digunakan dan direkod untuk tujuan pemeriksaan
- Kenderaan pekerja terhad kepada pergerakan di antara penghimpunan pekerja atau CLQ dengan tapak bina sahaja.

Dikemaskini pada 25 Mei 2021

KAWALAN PERGERAKAN PEKERJA BINAAN

Bagi mencegah penularan wabak COVID-19 dari tapak bina ke komuniti setempat, kontraktor perlu memastikan:



PERGERAKAN PEKERJA

- Pekerja wajib membawa pas pekerja/surat kebenaran majikan serta majikan perlu memastikan keperluan harian disediakan.
- Pekerja-pekerja binaan hendaklah dipantau dan dipastikan tidak bergaul dengan penduduk setempat.
- Semua pekerja binaan tidak dibenarkan berpindah dari satu tapak bina ke tapak bina yang lain.



PERGERAKAN BAHAN BINAAN/BEKALAN

- Pergerakan masuk ke tapak bina hendaklah direkodkan.
- Pemandu/Pembawa bahan/bekalan perlu diimbas suhu badan dan didaftar masuk melalui aplikasi MySejahtera atau menulis maklumat diri.



MAKLUM DAN HEBAHAN SOP

- Sentiasa memperingatkan amalan pencegahan jangkitan COVID 19 antaranya, melalui siar raya, mempamerkan poster kesedaran dan teguran kepada pekerja.



KAWALAN PERGERAKAN BAHAN BINAAN/BEKALAN

1. **Merekodkan pergerakan masuk bahan bekalan ke premis tapak bina**
2. **Pembawa bahan bekalan perlu mengimbas suhu badan dan didaftar masuk.**



kk_r_malaysia | Kementerian Kerja Raya | @MOWorks | Kementerian Kerja Raya Malaysia Official



KERJA PEMBINAAN KRITIKAL YANG DIBENARKAN SEMASA PKP

1. Kerja-kerja **penyelenggaraan dan pembaikan kritikal**, iaitu kerja yang mana jika sekiranya tidak diteruskan **boleh mendatangkan bahaya atau kemudaratan** kepada pekerja, orang awam atau persekitaran.
2. Kerja-kerja pembinaan melibatkan **infrastruktur awam** utama dan kritikal.
3. Perkhidmatan **profesional/perunding** yang terlibat bagi kerja-kerja pembinaan yang dibenarkan beroperasi.
4. Perkhidmatan dalam **rantaian bekalan yang terlibat** bagi kerja-kerja pembinaan yang dibenarkan beroperasi.

kk_r_malaysia | Kementerian Kerja Raya | @MOWorks | Kementerian Kerja Raya Malaysia Official